

## Kumpulan Perangsang Beli CPI Penang

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- **Kumpulan Perangsang Selangor Bhd** (KPS) memeterai perjanjian bersyarat untuk membeli peserta perkhidmatan pembuatan elektronik bersepadu sepenuhnya, CPI (Penang) Sdn Bhd dengan nilai RM250 juta.

Pembelian daripada HK Resources Sdn Bhd dan TCS Resources Sdn Bhd itu, menandakan penyertaan kumpulan tersebut dalam subsektor pembuatan.

"Pembayaran pembelian itu, yang menilai CPI pada nilai perusahaan kepada nisbah pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan sebanyak 6.5 kali, akan dilaksanakan sepenuhnya secara tunai daripada dana dalaman dan pinjaman bank," kata Ketua Pegawai Eksekutif KPS Ahmad Fariz Hassan dalam kenyataan.

Selepas pembelian tersebut, KPS berkata ia berhasrat untuk mengekalkan kumpulan pengurusan kanan CPI, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif yang juga pemegang saham tidak langsung syarikat itu.

Ahmad Fariz berkata pembelian itu sejajar dengan visi dan aspirasi kumpulan untuk berkembang melangkaui sempadan dengan matlamat untuk menjana pertumbuhan jangka panjang yang mampan dari segi pulangan kepada pemegang saham.

"Apa yang menarik perhatian kami mengenai CPI adalah tumpuannya kepada produk yang bernilai tinggi.

"Strategi perniagaannya telah menghasilkan margin yang tinggi secara konsisten, dan lebih berdaya tahan kepada perubahan dalam kitaran ekonomi dengan memenuhi pelanggan yang pelbagai," katanya.

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/bu/newsbusiness.php?id=1436505>